

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN PENTADBIRAN
DAERAH PORT DICKSON TAHUN 2019**

**PADA : 13 DISEMBER 2019 (JUMAAT)
MASA : 08.00 PAGI
TEMPAT : PEJABAT DAERAH PORT DICKSON**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,
Sejahtera.**

Terima Kasih pengerusi majlis,

**YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik,
Setiausaha Kerajaan Negeri.**

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

**YBhg. Tuan Khairy Maamor,
Pegawai Daerah Port Dickson
merangkap Pengerusi Penganjur
Perhimpunan Pentadbiran Daerah Port Dickson.**

**Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Daerah Port
Dickson,**

**Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang
saya kasihi sekalian,**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya dapat kita berkumpul di sini dalam **Majlis Perhimpunan Pentadbiran Daerah Port Dickson 2019**. Perhimpunan ini merupakan majlis perhimpunan pentadbiran di peringkat daerah yang terakhir bagi **tahun 2019**.

2. Syabas dan tahniah kepada pihak **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan** dan **Pejabat Tanah dan Daerah** yang telah berjaya mengatur perhimpunan pentadbiran di semua daerah pada tahun ini. Tahniah juga kepada

Pegawai Daerah Port Dickson dan seluruh anggota kerja yang menjayakan perhimpunan pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, penjawat awam adalah tulang belakang kepada pentadbiran Kerajaan Negeri. Ini bermakna, semua yang hadir di sini merupakan tunjang utama dalam melaksanakan perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat. Perhimpunan seperti ini menunjukkan bahawa penjawat awam sentiasa komited dalam merealisasikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

4. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendoakan agar kita semua diberkati dan diberi peluang oleh Allah untuk menjalankan tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi. Semoga segala pekerjaan kita yang dilaksanakan atas teras amanah akan diterima sebagai satu ibadah. Insya-Allah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Amanah dikaitkan dengan kepercayaan. Justeru, sebagai penjawat awam kita hendaklah memandang tinggi kepercayaan yang telah diberikan kepada kita. Jika baik

penyampaian kita, maka baiklah hasilnya.
Sama-samalah kita berusaha seperti yang
diungkapkan :

Kok bertali tempat menghela,

Kok berjantai tempat bergantung,

Kok bertungku tempat bersetingkis.

6. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson** yang mencatat **kutipan hasil kedua tertinggi** di

Negeri Sembilan iaitu **RM37.64 juta** sehingga tarikh **21 November 2019**. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan! Semoga usaha ini dilipatganda pada **tahun 2020** dan tahun-tahun seterusnya.

7. Seperti yang semua sedia maklum, tema **Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020** adalah **“Melestari Ekonomi, Menyejahtera Rakyat”**. Kerajaan Negeri telah menggariskan pengupayaan ekonomi berteraskan sumber strategik. Sebagai contoh, saya mahukan **pantai Port Dickson** ini dimodenkan sebagai

pusat pelancongan terbaik negara bertaraf antarabangsa.

8. Pengupayaan ekonomi di Port Dickson berdasarkan potensi sumber ini akan membolehkan setiap daerah dibangunkan secara seimbang sekali gus menepati teras strategik dan prinsip panduan gagasan **Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030**. Konsep Kemakmuran Bersama ini adalah seiring dengan aspirasi global dan domestik Malaysia.

9. Saya menuntut semua penjawat awam di Port Dickson khususnya dan di Negeri Sembilan lainnya, untuk mendakap penggunaan teknologi dan dunia digital bagi mengimbangi tuntutan **Revolusi Industri 4.0** supaya institusi perkhidmatan awam kekal relevan dan dinamik. Sehubungan itu, penjawat awam boleh meneroka bidang teknologi seperti **kecerdasan buatan (AI)** dan **internet kebendaan (IOT)** dalam membantu rutin pekerjaan harian. Gunakanlah teknologi moden ini untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan dan seterusnya untuk

meningkatkan hasil negeri supaya dapat menyejahterakan rakyat.

10. Kita juga semua tahu bahawa Port Dickson merupakan bandar yang terkenal dengan gelaran Bandar Pantai Peranginan Negara, Bandar Tentera Darat serta **Wellness Zone**. Keindahan pantai yang terhampar luas serta suasana damai yang dirasai bersama dengan keindahan ini, sentiasa menambat hati pelawat untuk berkunjung ke Port Dickson bersama keluarga terutamanya di hujung minggu mahupun ketika musim cuti

persekolahan seperti sekarang ini.

11. Ini menunjukkan daerah Port Dickson mampu menawarkan sesuatu kepada pelawat yang ingin lari sebentar daripada hiruk-pikuk kehidupan di kota raya. Keadaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan bagi tempahan hotel mahupun inap desa **(homestay)**. Saya percaya, musim cuti sekolah akan membuatkan pengusaha inap desa tersenyum lebar kerana permintaan turut meningkat.

12. Baru-baru ini juga, **Jeti Penumpang Port Dickson** telah menjadi tarikan istimewa apabila **kapal *cruise*** yang membawa ribuan pelancong dalam dan luar negara berlabuh di situ. Saya percaya, jika perancangan pembangunan yang baik disusun secara bersepadu, pasti akan membuka peluang kepada pelaburan dan dapat mempertingkatkan lagi imej Port Dickson sebagai bandar pelancongan yang bukan sahaja dikenali di negara ini malah peringkat antarabangsa.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati
sekalian,**

13. Tahun ini pelbagai acara telah dilaksanakan di Port Dickson. Antaranya **Majlis Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Sembilan, Pesta Air Malaysia Port Dickson** dan pada **30 November 2019** lalu, telah berlangsungnya program **Run PD Run** manakala pada **07 Disember** pula berlangsungnya **Red Run Tour**.

14. Acara ini telah berjaya menarik minat peserta tempatan dan juga dari luar Negeri Sembilan. Saya amat menggalakkan aktiviti sihat sebegini diteruskan pada masa-masa akan datang dengan skala lebih besar dan bersifat antarabangsa. Sebagai contoh dua program utama pelancongan di negeri ini telah dimasukkan dalam **kalendar Tahun 2020 Pelancongan Malaysia** iaitu **Jelevu Two Wheels Festival** yang dijangka berlangsung pada **April 2020** dan **Tampin Eco Challenge** pada **Julai 2020**.

15. Kita bersyukur kerana telah diberikan keindahan pantai dan tempat-tempat pelancongan lain di sekitar daerah Port Dickson ini. Namun, kita tidak harus sentiasa berada di zon selesa dengan keindahan yang ada di Port Dickson. Sebagai penjawat awam, kita harus terus berusaha dan mencabar diri kita supaya Port Dickson lebih indah, menarik dan menawan agar dapat menarik lebih ramai pelancong.

16. **Sempena Tahun Melawat Malaysia**

2020, saya mahukan semua agensi kerajaan melipatgandakan usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung dengan menyediakan infrastruktur dan program yang menarik dan bermanfaat. Selain itu, kita jangan lupa untuk memberi perhatian kepada perkara-perkara asas seperti kebersihan, kemudahan-kemudahan awam yang diselenggara dengan baik dan perkhidmatan yang penuh berintegriti.

17. Saya difahamkan, bagi memastikan rakyat di Port Dickson ini terus menikmati infrastruktur yang lebih baik, pada **tahun 2019**, **Pejabat Daerah Port Dickson** telah melaksanakan sebanyak **271 projek pembangunan** dengan belanja berjumlah **RM11.9 juta**. Diharapkan dengan adanya jaringan peningkatan infrastruktur seperti jalan MARRIS, baik pulih mahupun bina bangunan baru, rakyat di sini dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa.

18. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada perkhidmatan pasukan keselamatan seperti tentera, polis, maritim dan penjawat awam lain yang sama-sama bekerjasama mengawal perairan laut kita daripada dibolosi oleh pendatang asing dan penyeludup.

19. Untuk makluman, pada hari **Selasa** yang lalu iaitu pada **10 Disember 2019**, saya telah dikunjungi oleh **Konsul General Indonesia**. Dalam perbincangan kami, ada diutarakan berhubung **cadangan lawatan delegasi** daripada **Kerajaan Negeri Sembilan ke**

Dumai - Indonesia bagi sama-sama membincangkan berhubung keselamatan bersama antara kedua-dua negara dan juga perkara-perkara lain bagi memastikan perairan di Port Dickson dapat dihindarkan daripada kemasukan pendatang asing tanpa izin, terutamanya aktiviti pemerdagangan orang dan juga penyeludupan.

20. Saya juga ingin menyeru, agar penjawat awam di sini boleh membantu mengekalkan kehidupan masyarakat agar bersatu padu, sekaligus dapat membentuk sebuah

persefahaman yang melangkaui sempadan kaum, agama dan budaya. Masyarakat harus dididik agar mengenal erti perpaduan dan mengelakkan sebarang amalan prejudis yang boleh mengganggu sensitiviti kaum dan agama.

**Kiri cempedak kanan cempedak,
Tengah-tengah pokok mengkuang;
Kiri tidak kanan pun tidak,
Usah kita jadi petualang.**

21. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh pentadbiran daerah Port Dickson yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Diharapkan perhimpunan pagi seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk memastikan visi dan misi yang kita bawa adalah selari agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. Sama-sama kita seiring sejalan untuk terus berusaha memelihara dan membangunkan negeri ini dengan penuh rasa bertanggungjawab dan berintegriti.

22. Semoga segala usaha dan kerja kita diredhai dan diterima Allah sebagai bukti pengabdian.

23. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

**Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,
Sejahtera.**